

# Pembinaan Modul Pemantapan Sahsiah *Ulul Albab* bagi Pelajar Islam

**BITARA**

Volume 1, Issue 1, 2018: 008-020  
© The Author(s) 2018  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Constructing a Module for Character Enhancement of Ulul al-Bab for Muslim Students]

Nur Anis Abdullah,<sup>1</sup> Rahimah Embong<sup>1</sup> & Azhar Yaacob<sup>1</sup>

### Abstrak

Pendidikan secara keseluruhannya ialah satu proses mereka bentuk kebolehan dan sikap manusia. Proses ini membolehkan seseorang individu memperoleh keyakinan dan pertumbuhan kendiri. Keupayaan mereka mengimbangi pemantapan sahsiah yang sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran agama dan nilai-nilai budaya merupakan kejayaan kepada masyarakat dan negara. Kajian berdasarkan penyelidikan pendidikan ini bertujuan untuk menyediakan modul bagi program yang teratur dan sistematik, latihan dan perundingan dalam memantapkan sahsiah pelajar di semua peringkat utama, kedua dan ketiga. Modul ini dibina untuk membantu pelajar Muslim dan generasi *ulul albab* yang cekap dan mampu berperanan sebagai perancang atau pemain global, di samping berintegriti tinggi bagi menghadapi cabaran global. Kajian ini turut membantu melengkapkan pelajar dengan kualiti kepimpinan yang berasaskan prinsip-prinsip Islam. Modul ini dibina untuk membolehkan pelajar Muslim menyeimbangkan di antara pembentukan peribadi dan pencapaian kecemerlangan akademik dan kebolehan lain. Kajian ini memilih Institut al-Qur'an Terengganu (IQT) sebagai responden memandangkan pencapaian aspek kecemerlangan akademik mereka dan dalam masa yang sama menghafal al-Qur'an. Mereka boleh dikategorikan sebagai generasi yang mempunyai ciri-ciri golongan *ulul albab*, iaitu Qur'anik, ensiklopedik dan ijtihadik. Dengan demikian, modul pemantapan sahsiah *ulul albab* perlu kepada pemahaman terhadap konsep khalifah Allah SWT, iaitu *tadabbur* ayat-ayat al-Qur'an dan *tafakkur* tanda-tanda kejadian ciptaan Allah SWT. Gabungan kedua-dua pendekatan tersebut dapat mencetuskan rasa takwa kepada Allah. Modul ini dapat melahirkan pelajar berfikiran saintifik yang sentiasa mengaitkan dengan kebesaran Allah SWT sebagai pencipta dan bukan sekadar menghafal ayat dan surah al-Qur'an sahaja, di samping menghasilkan ummah yang melaksanakan misi mereka sebagai khalifah dengan menyumbang kepada pembinaan negara dan rezeki yang global. Kajian ini bersifat kualitatif dan kuantitatif, yang melibatkan kaedah analisis kandungan, kaedah kontemplatif dan kajian lapangan yang menggunakan instrumen soal selidik. Hasil dapatan kajian menunjukkan perisian modul sepanjang aktiviti yang dilaksanakan mendapat impak positif daripada peserta. Justeru, modul yang dibangunkan ini boleh digunakan sebagai rujukan dan memberi sumbangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan mengemukakan satu program ko-kurikulum tambahan berasaskan konsep *ulul albab* untuk diguna pakai oleh para pendidik dan pelajar Muslim.

### Kata Kunci

*Ulul Albab*, pendidikan bersepadu Islam, modul, pemantapan sahsiah

### Abstract

Education as a whole is a cycle of human capacity building and attitudes. This cycle enables one to gain self-confidence and personal development. Their ability to maintain the ideal personality that

<sup>1</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

#### Corresponding Author:

RAHIMAH EMBONG, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.  
E-mail: rahimahembong@unisza.edu.my

religious teachings and cultural values demand is a success for the society and country. This educational research-based study aims to provide modules for well-organized and systematic programmes, training and consultation to strengthen student identity at all primary, secondary and tertiary levels. This module is designed to help Muslim students and the ulul albab(intellectual person) generation to become efficient and capable of serving as global masterminds or players while maintaining high integrity to meet global challenges. This study also helps to equip students with quality leadership based on Islamic principles. This module is designed to allow Muslim students to balance their training and academic achievement with other skills. The study selected the Terengganu Qur'an Institute (IQT) as the respondents in view of their academic achievement and at the same time, the Qur'an memorization programme. They can be categorized as a generation with the characteristics of the ulul albab (intellectual person), the Qur'anic, the encyclopedic and the ijtihadik(independent reasoning). Therefore, the ulul albab(intellectual person) personality enhancement module is essential to understand the concept of the Allah Almighty, which is to understand the meaning of the Qur'anic verses and to observe the signs of the creation of Allah Almighty. The combination of these two approaches may provoke the fear of God. This module will produce scientific-minded students who will always associate anything with the greatness of Allah SWT as the creator and not just memorizing the verses of the Qur'an only, but also to produce the ummah(community) who carry out their mission as caliphs by contributing to nation-building and global sustenance. This study is qualitative and quantitative, involving the content analysis and contemplative methods as well as field studies using questionnaire instruments. The results of the study showed that the content of the module used throughout the activity had a positive impact on the participants. Hence, this developed module can be used as a reference and a contribution to the Ministry of Education Malaysia (KPM) by introducing an additional co-curriculum program based on the ulul albab(intellectual person) concept to be used by Muslim educators and students.

### Keywords

Ulul Albab, Islamic integrated education, modules, personality strengthening

#### Cite This Article:

Nur Anis Abdullah, Rahimah Embong & Azhar Yaacob. 2018. Pembinaan modul pemantapan sahsiah *ulul albab* bagi pelajar Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(1): 8-20.

## Pengenalan

Agama dan kehidupan merupakan asas dalam kehidupan manusia. Sebagai individu muslim, agama yang berteraskan asas akidah, ibadah dan akhlak merupakan perkara utama dalam pembentukan sahsiah sebagai individu muslim. Setiap manusia tidak dapat lari dari kehidupan beragama. Agama merupakan satu fitrah bagi manusia sebagai panduan serta tatacara hidup yang wajib dipatuhi bagi membanteras setiap tingkah laku sesuai dengan situasi dan keadaan.

Oleh itu, konsep *ulul albab* boleh diperlakukan melalui sistem pendidikan di mana penambahbaikan boleh dilakukan melalui sistem pembelajaran yang diberi nilai pengukuhan. Dengan pembentukan masyarakat *ulul albab* nanti akan mampu membentuk kepimpinan yang bertaraf global (Idris Jusoh 2006). Perkataan *ulul albab* terdapat sebanyak 16 kali di dalam al-Qur'an. Pengulangan istilah ini telah membuktikan ketinggian nilai kemuliaan, keagungan dan kepentingannya kepada umat Islam khususnya dan manusia sejagat umumnya. Seperti mana yang disebut dalam al-Qur'an perkataan *ulul albab* diterangkan sebagai 'orang-orang yang berakal' dan 'orang-orang yang mempunyai kekuatan akal fikiran yang menguasai sains, falsafah dan teknologi'. Menurut YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berpendapat

bahawa ayat tersebut adalah satu tuntutan kepada umat Islam untuk menggerakkan minda dalam bidang sains dan teknologi agar dapat terus kekal relevan di zaman moden ini (Idris Jusoh 2008). Dalam *Kamus Idris al-Marbawi* mengertikan perkataan *ulul albab* berasal daripada dua perkataan iaitu *ulul* dan *albab*. '*Ulul*' bermaksud yang mempunyai atau yang memiliki, manakala *al-Albab* ialah kalimah berbentuk jamak, berasal daripada perkataan '*lubb*' yang membawa dua maksud iaitu akal dan hati yang bersih (al-Marbawi 1990).

Di samping itu, YAB Dato' Seri Idris bin Jusoh (2008) telah menyenaraikan 3 ciri golongan *ulul albab* adalah Qur'anik, ijtihadik dan ensiklopedik. *Qur'anik* dertiakan sebagai mereka yang bukan sahaja khatam hafazan (menghafal 30 Juzuk al-Qur'an), tetapi juga mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang ilmu al-Qur'an seperti ketertiban bacaan, lagu dan mengamalkan ajaran al-Qur'an itu sendiri. Idris (2006) telah mencadangkan pendekatan pendidikan yang bersifat Quranik sebagai platform dalam membentuk generasi al-Qur'an yang beriman, bertakwa, berilmu, berakhhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Namun, manusia memerlukan pemahaman bahawa pencapaian teknologi yang tinggi semata-mata bukan ukuran mutlak terhadap kejayaan. Teknologi tinggi sewajarnya disantuni dengan sentuhan keinsanan sebagai ukuran terhadap aplikasi teknologi dalam kehidupan.

Ijtihadik pula memberi erti bahawa seseorang itu haruslah mempunyai keupayaan untuk memberikan pandangan dalam menyelesaikan masalah umat secara kreatif dan inovatif, strategik dan lateral. Pendidikan yang bersifat ijtihadik merupakan satu proses pendidikan yang dapat melahirkan golongan ilmuwan dan intelektual Islam yang mempunyai kreativiti dan daya cipta yang tinggi, yang mempunyai iltizam untuk berani mencuba perkara baru dan menghasilkan idea-idea baru untuk kebaikan umat manusia (Wan Mariana & Mohd Shafiee 2012).

Ensiklopedik pula dimaksudkan dengan keupayaan untuk menguasai pelbagai cabang ilmu (*multi-discipline*) dan bahasa (*multi lingual*). Selain itu, golongan *ulul albab* juga ialah ulama ensiklopedik yang merupakan kelompok terpenting dalam kalangan umat Islam yang berperanan meniupkan roh agama dan mencorakkan keperibadian tamadun Islam berdasarkan keupayaan mereka menguasai pelbagai bidang ilmu (Osman 2006).

Dalam sistem pendidikan di negara kita penumpuan terhadap dasar pendidikan untuk melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepadan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek adalah jelas berdasarkan apa yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Khairi & Asmawati 2010). Generasi *ulul albab* diyakini mampu memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penerapan konsep *ulul albab* di dalam pendidikan di Malaysia memerlukan perancangan yang rapi untuk menghala kepada pembangunan sebuah negara Islam yang terbilang.

## Pernyataan Masalah

Realiti pada hari ini, cabaran utama yang dihadapi umat Islam ialah berkenaan dualisme dan sekularisme dalam proses pendidikan. Ini menyebabkan ilmu-ilmu yang ada ini telah terpisah diantara ilmu berbentuk *ukhrawi* dan *duniawi*. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (2010), iaitu sekularisme merupakan konsep yang memisahkan manusia

dengan agama. Oleh yang demikian, pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan manusia yang dapat meneruskan kehidupan, namun matlamatnya adalah lebih daripada itu, iaitu dengan melahirkan insan yang seimbang antara jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI). Pendidikan juga perlu menerapkan nilai-nilai positif ke arah pembangunan insan yang seimbang dari segi akademik dan akhlak. Seterusnya dengan pendidikan yang menerapkan nilai-nilai murni di dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini akan melahirkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang mulia.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibrahim et al. (2012), pendidikan dan pengetahuan agama merupakan medium terpenting dalam membentuk jati diri serta mampu membentuk spiritual yang murni di kalangan pelajar. Selain itu, kurikulum pendidikan berperanan sebagai satu mekanisme bagi menanamkan sifat-sifat nilai-nilai murni, akhlak, dan tingkah laku yang baik. Nilai-nilai murni merangkumi aspek tingkah-laku yang baik, peradaban dan tatasusila seseorang individu dalam hubungan sesama manusia, alam sekitar, dan Tuhan. Noordin (1994), mengatakan nilai-nilai murni boleh ditakrifkan sebagai satu tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran dalam kehidupan seseorang bagi membentuk akhlak yang mulia. Selain itu, menurut Rajendran dan Meng (1994), secara umumnya nilai-nilai murni memberi maksud kebaikan, kewajipan, kesucian, kecantikan dan kebenaran.

Kekuatan jiwa dan rohani haruslah dapat diseimbangkan dengan ilmu duniawi yang dimiliki bagi memastikan tidak tersasar dari tujuan sebenar penciptaan manusia sebagai hamba dalam beribadah kepada Allah SWT. Sehubungan itu amalan nilai-nilai murni menjadi matlamat utama dalam melahirkan manusia yang seimbang dalam kehidupan. Penerapan nilai-nilai murni perlu disemai bagi meningkatkan akhlak yang mulia kepada golongan pelajar. Ini kerana, Hamzah (2001), telah menyatakan bahawa golongan pelajar merupakan tenaga simpanan negara yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan, penyumbang budaya, penggerak kemajuan dan pelopor pembangunan bagi sesebuah masyarakat.

Oleh itu, pembinaan modul ini sangat penting untuk memantapkan sahsiah pelajar *ulul albab* melalui perancangan, perlaksanaan dan penilaian program yang bersistematis. Modul yang dibina adalah mengikut pada keadaan yang berasaskan pembangunan sahsiah untuk sekolah Muslim secara umum. Kajian berdasarkan penyelidikan pendidikan yang bertujuan untuk menyediakan program yang teratur dan sistematik, latihan dan perundingan dalam membangunkan sahsiah bersepadu Islam bagi pelajar-pelajar di semua peringkat utama, kedua dan ketiga.

Muhammad (2008) menganalisis pelaksanaan pendidikan bersepadu di IMTIAZ, IQT dan sekolah-sekolah agama dalam pembangunan modal insan berdasarkan pemahaman guru mengenai falsafah pendidikan negara, konsep Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), aplikasi kritikal dan kemahiran kreatif berfikir dalam pengajaran dan proses pembelajaran serta peranan mereka dalam memberi ilmu pengetahuan. Beliau menyimpulkan pemahaman guru dan peranan mereka menjadi faktor utama dalam proses membina modal insan melalui pendidikan yang bersepadu. IMTIAZ, IQT dan sekolah-sekolah agama dilihat mengintegrasikan pembelajaran berasaskan al-Qur'an dan pembentukan peribadi ke dalam sistem pendidikannya dalam pendekatan yang inovatif dan sistematik. IMTIAZ, IQT dan sekolah-sekolah agama juga menggalakkan integrasi melalui pengalaman bilik darjah dan mengaitkan pelajar dengan masyarakat dan dunia luar. Pelajar-pelajar adalah digalakkan untuk

mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dan kurikulum seperti Rakan Masjid (Sahabat Masjid), kepimpinan, motivasi, kem ibadah, khidmat masyarakat dan lain-lain. Masalahnya ialah kekurangan kepakaran, tenaga dan komitmen dari guru-guru dan ibu bapa disebabkan oleh kekurangan kemudahan dan sumber, kekurangan pengalaman dan kepakaran.

Rahimah (2011) mengenai tuntutan kurikulum bersepada Islam sebenar adalah menyediakan pembangunan sahsiah secara menyeluruh dari segi rohani, moral, intelektual, profesional, individu, sosial dan fizikal. Di samping itu, beliau menggariskan empat ciri-ciri keperibadian Islam yang bersepada; pertama, '*abd* (seorang Muslim) yang baik siapa yang mempunyai disiplin yang baik dan peribadi yang cemerlang; kedua, *khalifah* (seorang pemimpin) yang baik yang mempunyai semangat orang ramai dan kompeten di peringkat global; ketiga, seorang profesional yang bagus yang mempunyai kualiti tinggi dalam intelektual dan berpelajaran; keempat, *hujjat al-Islam* (pembela Islam yang sebenar) yang memelihara al-Qur'an dan ilmu serta menjadikan al-Qur'an sebagai cara hidup. Oleh itu dalam usaha untuk membangunkan sahsiah bersepada Islam itu terdapat tujuh objektif pendidikan yang perlu dipertimbangkan iaitu pembebasan rohani, pembangunan moral, penanaman akal, persediaan untuk hidup yang lebih praktikal, faedah-faedah individu, sosial dan pertumbuhan fizikal.

Modul pemantapan sahsiah ini perlu mengambil kira kedua-dua matlamat teorikal dan praktikal. Matlamat teoretikal bertujuan untuk memupuk kemahiran insaniah seperti kepercayaan, nilai, *intrapersonal skill* (kemahiran dengan diri), *interpersonal skill* (kemahiran antara perseorangan) dan *extra-personal skill* (kemahiran dengan diri tambahan) yang memerlukan komitmen moral individu. Matlamat praktikal menyediakan latihan termasuklah kemahiran hidup dan vokasional untuk menjalani kehidupan sehari-hari. Justeru, kepercayaan atau keimanan yang hakiki perlu menjadi keutamaan untuk ditanam dalam jiwa pelajar. Ini diikuti oleh nilai-nilai moral sejagat, *good thinking* (kemahiran berfikir secara baik), kekuatan dan kesihatan fizikal, *right worldview* (pandangan alam yang benar), *public-spiritedness* (rasa khidmat bakti) dan kemahiran hidup atau praktikal. Semua unsur yang saling berhubung kait ini perlu disepadukan dalam diri pelajar secara terancang dan bersistem.

Modul pemantapan sahsiah *ulul albab* lazimnya dilaksanakan di sekolah-sekolah Islam sebagai pelengkap kurikulum rasmi sekolah. Modul pemantapan sahsiah ini sesuai diekstrak dan disepadukan sebagai sebahagian daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan juga aktiviti ko-kurikulum atau *extra-curriculum* (kurikulum tambahan) yang menjadi sebahagian daripada proses pendidikan. Sebagai contoh aktiviti ko-kurikulum tambahan seperti aktiviti rekreasi, khidmat masyarakat, lawatan sosial, program amal, latihan kepimpinan, kemahiran pengurusan dan sebagainya. Aktiviti seperti ini dapat mengasah bakat kepimpinan dan memupuk rasa khidmat bakti (*public spiritedness*), kesukarelawan (*volunteerism*), rasa kepunyaan (*sense of belonging*), kerja berpasukan (*team work*), rasa tanggungjawab sosial (*social Responsibility*) dan sebagainya. Disarankan bahawa jenis kurikulum tersebut bukan sekadar sebagai aktiviti tambahan kepada pelajar, tetapi para pelajar dapat menimba pengalaman hidup dan mendekati masyarakat secara langsung. Namun persoalannya, apakah modul pemantapan sahsiah *ulul albab* bagi pelajar Muslim.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pemantapan sahsiah seseorang pelajar memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada banyak pihak dan individu. Berdasarkan kajian substantif dan pemerhatian pengkaji, didapati bahawa tidak ada modul yang khusus direka bagi pemantapan sahsiah pelajar secara Islamik dan holistik berdasarkan *ulul albab*. Justeru, bertitik

tolak daripada kenyataan-kenyataan yang telah dinyatakan kajian bagi tujuan pembinaan modul sangat penting dibina.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini menggariskan tiga objektif utama iaitu yang pertama mencerakinkan konsep pemantapan sahsiah *ulul albab*, kedua membina modul pemantapan sahsiah *ulul albab* dan terakhir ialah menganalisis tahap penerimaan modul pemantapan sahsiah *ulul albab* kepada pelajar Muslim.

## **Metodologi**


Kajian ini menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini merupakan kajian yang bersifat kualitatif dan preskriptif yang berasaskan kajian tindakan. Kajian ini menggunakan beberapa kaedah, pendekatan dan teknik penyelidikan yang praktikal iaitu untuk membina modul pemantapan sahsiah *ulul albab*. Dua kaedah diaplikasikan dalam kajian ini iaitu kaedah analisis kandungan untuk mengkaji data dokumen dan kaedah komtemplatif juga digunakan untuk menganalisis ayat-ayat al-Qur'an iaitu, *mentadabbur* surah al-Kahfi dan surah al-Rahman yang relevan dengan pembangunan sahsiah.

Kajian yang bersifat kuantitatif dalam kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian dengan menggunakan instrumen soal selidik yang dihuraikan secara deskriptif. Dalam usaha untuk mengumpul maklumat soal selidik yang dibina sebagai instrumen telah diagihkan kepada semua peserta untuk mendapat maklum balas mereka terhadap setiap modul dan program secara keseluruhan.

Kajian ini turut melakukan pemerhatian secara langsung di lapangan kajian dan melibatkan diri semasa mengendalikan program tersebut sebagai konsultan, penganjur, penggubal modul, jurulatih, ahli jawatankuasa kerja dan penceramah. Kajian menggunakan ciri-ciri responden daripada dapatan kuantitatif untuk dijadikan panduan untuk memilih pensampelan bertujuan dalam kajian kualitatif yang dijalankan. Teknik gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif juga dipilih kerana kedua-dua kaedah ini memerlukan fakta dan data untuk dianalisis.

## **Kerangka Konsep**

Kerangka konsep seperti paparan di bawah menunjukkan gambaran keseluruhan perjalan kajian dan perkaitan di antara elemen yang terlibat.



Kerangka konsep ini dibina berdasarkan pembinaan diri pelajar sebagai khalifah Allah yang mempunyai dua keupayaan utama iaitu, *tadabbur* ayat-ayat al-Qur'an dan juga *tafakkur* tanda-tanda kejadian ciptaan Allah. Akhir sekali, gabungan kedua-dua keupayaan ini dapat mencetuskan rasa takwa kepada Allah. Dengan memenuhi semua elemen tersebut dapat menghasilkan generasi *ulul albab* yang unggul.

Terdapat tiga elemen yang dikaitkan dalam pembinaan modul, iaitu, 3 ‘T’; *Tadabbur*, *Tafakkur* dan *Takwa*. *Tadabbur* adalah satu cara untuk memahami al-Qur'an yang suci. *Tadabbur* bermaksud merenung, menghayati, memikirkan dan meneliti ayat-ayat al-Qur'an untuk memahami makna, hikmah, ataupun maksud. Oleh itu seindah apa pun susunan ayat-ayat al-Qur'an seilmiah apa pun kandungan al-Qur'an dan sebesar apa pun mukjizat al-Qur'an tanpa mentadabburkan ayat-ayatnya, maka amat sukar untuk kita memahami dan menerima pengajaran dan ‘ibrah untuk diimplementasikan dalam kehidupan kita (Mohd Solleh 2011).

Menurut Hamzah (1987) menyebutkan bahawa *tafakkur* bererti merenungkan keindahan ciptaan Allah, rahsia-rahsia kejadian, dan segala yang dikandung di alam ini, manfaat, hikmah, dan rahsia yang terkandung. Dan *tafakkur* mengarah pada suatu tujuan yang berguna sebagai bukti kekuasaan dan keagungan-Nya.

Seterusnya, integrasi dua kaedah mendapatkan pengetahuan akan membawa kepada rasa takwa kepada Allah. Menurut pandangan Imam al-Qushayri (1999), takwa ialah segala kebaikan dan kebenaran adalah orang yang dilindungi dirinya dari azab Allah SWT dengan memberi penuh penyerahan kepada Allah. Makna takwa adalah takut atau menjalani apa yang telah disyariatkannya serta menjauhi segala apa yang dilarangnya. Walau bagaimanapun, dalam modul ini adalah merujuk kepada pencapaian kasih sayang dan keredaan Allah SWT.

## Program Kem Khalifah *Ulul Albab*

Bagi memenuhi matlamat pembinaan modul, sebuah program Kem Khalifah *Ulul Albab* (KEKUA) telah dibangunkan dan dilaksanakan dari 19 hingga 21 November 2015 (3 hari) di

Homestay & Resort D'Kekabu Inn, Setiu, Terengganu dan ia melibatkan 37 orang pelajar dari Institut al-Qur'an Terengganu. Program ini terdiri daripada aktiviti ceramah yang melibatkan penceramah dalaman yang berkaliber dan juga aktiviti-aktiviti yang membina jati diri peserta. Penyelidik telah membuat perancangan dan penyediaan modul latihan.

## **Latar Belakang Program**

Generasi di alaf baru kini hidup dalam arus kemajuan sains dan teknologi serta ledakan maklumat yang berpunca daripada aplikasi ilmu sains dan kajian saintifik terhadap alam semesta. Malangnya, generasi baharu ini hanya tahu menggunakan alat teknologi tanpa merenung kejadian alam fizikal dan kuasa penciptanya. Dengan ini, Kem Khalifah *Ulul Albab* anjuran Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI) dengan kerjasama Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam (PDPI), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) UNISZA mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kem Khalifah *Ulul Albab* dalam usaha untuk melahirkan generasi baharu yang berupaya untuk merenung kejadian alam dan mengaitkannya dengan kewujudan dan kekuasaan Tuhan melalui pendekatan al-Qur'an dan saintifik.

Ahli penyelidik telah membuat perancangan program dan penyediaan modul latihan. Projek ini juga berteraskan pendidikan bersepada Islam yang bermatlamatkan untuk membantu dalam pemantapan sahsiah holistik. Projek ini berupaya untuk memberikan latihan bersistematis kepada pelajar dalam mengintegrasikan ilmu wahyu yang difahami daripada ayat-ayat Qur'an dengan ilmu *aqli* yang dikaji daripada tanda-tanda kejadian alam semesta.

## **Objektif Program**

1. Menyedarkan peserta dan fasilitator tentang misi khusus bagi setiap insan sebagai Khalifah untuk mengurus alam dan manusia.
2. Menyemai semangat kesukarelawan dan rasa akauntabiliti terhadap alam sekitar dan masyarakat.
3. Memperkasakan golongan peserta dan fasilitator untuk menjalankan tanggungjawab sosial terhadap agama, bangsa dan negara melalui khidmat kesukarelawan dan kemasyarakatan.
4. Mengasah bakat mahasiswa/i UniSZA dalam pengurusan kepimpinan dan mempertingkatkan pelbagai kemahiran praktikal dan insaniah serta daya kreativiti supaya dapat meningkatkan potensi diri sebagai agen transformasi bagi Negara dan Ummah.

## **Modul Program Kem Khalifah *Ulul Albab***

Modul Kem Khalifah *Ulul Albab* merangkumi tiga tema utama untuk program tiga hari (lihat Jadual 1). Modul ini juga mempunyai dua surah tema utama iaitu surah al-Kahfi untuk menerangkan sifat-sifat Khalifah *Ulul Albab* dan surah al-Rahman untuk mengkaji alam saintifik yang nyata tanda-tanda Pencipta. Tema kedua adalah Khalifah dan Sains yang terdiri daripada Fenomena Alam, Fenomena Flora & Fauna dan Fenomena Manusia. Ketiga pula

adalah berkaitan dengan matlamat akhir hidup yang mencapai *mardat Allah* (keredaan Allah) dengan menggunakan takwa.

JADUAL 1 Modul Kem Khalifah *Ulul Albab* (KEKUA)

Tema	Pendekatan	Aktiviti
Pertama	<i>Tadabbur</i>	Surah Tema yang dipilih: 1. Surah al-Kahfi 2. Surah al-Rahman Aktiviti yang dilaksanakan: 1. Fenomena Flora & Fauna 2. Fenomena Manusia 3. Alam Semesta
Kedua	<i>Tafakur</i>	
Ketiga	Takwa	<i>GL Factor</i>

## Analisis Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membentangkan dapatan keseluruhan yang dianalisis secara deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data yang dikumpul melalui soal selidik. Data mengenai maklumat demografi responden dianalisis dengan menggunakan pengukuran kekerapan dan peratusan. Manakala bagi respons peserta terhadap perisian modul dianalisis dengan menggunakan pengukuran kekerapan, peratusan, skor min dan interpretasi.

## Demografi Responden (Peserta)

JADUAL 2 Demografi Responden (Peserta)

Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Negeri		
Terengganu	31	83.8
Pahang	3	8.1
Selangor	1	2.7
Lain-lain	2	5.4
Anak yang		
Pertama	7	18.9
Kedua	10	27.0
Ketiga	7	18.9
Keempat	5	13.5
Lain-lain	8	21.6
Pekerjaan Bapa		
Sektor Awam	19	51.4
Sektor Swasta	3	8.1
Sendiri	11	29.7
Pesara	1	2.7
Lain-lain	3	8.1
Pekerjaan Ibu		
Sektor Awam	17	45.9
Sektor Swasta	0	0
Sendiri	1	2.7
Pesara	1	2.7
Lain-lain	18	48.6

Sekolah Rendah		
Sekolah Kebangsaan Menggabang Telipot	2	5.4
Sekolah Kebangsaan Tasek	3	8.1
Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal	2	5.4
Lain-lain	30	81.1
Juzuk Hafalan		
1 hingga 10	33	89.2
11 hingga 20	3	8.1
21 hingga 30	1	2.7

Maklumat di atas ialah demografi responden mengikut negeri asal, anak yang ke berapa daripada bilangan adik-beradik, pekerjaan bapa, pekerjaan ibu, sekolah rendah terdahulu dan juzuk hafalan. Jadual 2 memaparkan bilangan dan peratusan peserta mengikut negeri asal, didapati peserta yang berasal dari Terengganu adalah seramai 31 orang dengan peratusan 83.8%, dari Pahang seramai tiga orang dengan peratusan 8.1%, seorang dari Selangor dengan peratusan 2.7% dan lain-lain negeri seramai dua orang dengan peratusan 5.4%. Secara keseluruhannya didapati peserta terlibat yang paling ramai adalah berasal dari negeri Terengganu. Taburan responden berdasarkan anak yang ke berapa daripada bilangan adik-beradik, didapati peserta yang daripada anak sulung seramai tujuh orang dengan peratusan 18.9%, anak yang kedua seramai 10 orang dengan peratusan 27.0%. Anak yang ketiga seramai tujuh orang dengan peratusan 18.9% , anak yang keempat pula seramai lima orang dengan peratusan 13.5% dan lain-lain daripadanya adalah seramai lapan orang dengan peratusan 21.6%. Peserta yang paling ramai dari segi anak yang ke berapa daripada bilangan adik-beradik adalah anak yang kedua.

Bagi taburan peserta berdasarkan pekerjaan bapa, didapati seramai 19 orang bekerja di sektor awam dengan peratusan 51.4%, tiga orang yang bekerja di sektor swasta dengan peratusan 8.1% dan bekerja sendiri seramai 11 orang dengan peratusan 29.7%. Manakala seorang daripada mereka adalah pesara dengan peratusan 2.7% dan yang lain-lain seramai tiga orang dengan peratusan 8.1%. Ini menunjukkan pekerjaan bapa peserta yang bekerja di sektor awam adalah paling ramai. Seterusnya, taburan peserta berdasarkan pekerjaan ibu. Terdapat 17 orang yang bekerja di sektor awam dengan peratusan 45.9%, didapati tiada seorang pun yang bekerja di sektor swasta. Didapati juga seorang yang pesara dengan peratusan 2.8% dan selebihnya lain-lain seramai 18 orang dengan peratusan 48.6%. Secara keseluruhannya pekerjaan ibu peserta paling ramai yang bekerja di sektor awam.

Dalam jadual ini juga menunjukkan taburan peserta mengikut sekolah rendah terdahulu, didapati seramai dua orang peserta daripada Sekolah Kebangsaan Menggabang Telipot dengan peratusan 5.4%, seramai tiga orang peserta daripada Sekolah Kebangsaan Tasek dengan peratusan 8.1%, peserta daripada Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal seramai dua orang dengan peratusan 5.4% dan seramai 30 orang peserta yang terlibat terdiri daripada lain-lain sekolah dengan peratusan 81.1%. Ini menunjukkan kebanyakan peserta yang paling ramai adalah dari lain-lain sekolah.

Terakhir taburan peserta berdasarkan juzuk hafalan, didapati seramai 33 orang peserta yang menghafal al-Qu’ran juz 1 hingga 10 dengan peratusan 89.2%, seramai tiga orang peserta yang menghafal al-Qu’ran juz 11 hingga 20 dengan peratusan 8.1%. Manakala untuk juz 21 hingga 30 hanya seorang yang menghafalnya dengan peratusan 2.7%. Secara keseluruhannya, peserta yang menghafal al-Qur'an paling banyak adalah juz 1 hingga 10.

Secara kesimpulannya, soalan demografi responden dikemukakan adalah kerana untuk mengetahui serba sedikit latar belakang diri dan keluarga responden agar dapat membantu dan memudahkan kajian ini.

JADUAL 3 Taburan Respons Peserta terhadap Tema Utama Modul Semasa Program

Perkara	Min	Std. Deviation	Skala
Kepimpinan Khalifah	4.51	.77	Sangat Tinggi
Fenomena Flora & Fauna	4.73	.56	Sangat Tinggi
Fenomena Manusia	4.32	.97	Sangat Tinggi
Fenomena Alam	4.57	.86	Sangat Tinggi
<i>GL Factor</i>	4.46	1.10	Sangat Tinggi

Jadual 3 menunjukkan taburan respons peserta terhadap Tema Utama Modul Semasa Program. Berdasarkan keputusan pada tahap pemeringkatan sangat tinggi adalah bagi item kepimpinan khalifah menunjukkan skor min iaitu 4.51, item fenomena flora dan fauna pada skor min 4.73, item fenomena manusia iaitu, skor min 4.32 dan item fenomena alam iaitu, 4.57 dan item bagi GL Factor menunjukkan skor min 4.46. Secara keseluruhannya, keputusan ini memperlihatkan sangat tinggi kerana semua item bagi tema utama modul semasa program memberi banyak pengetahuan, pengajaran dan pengalaman serta dapat membentuk seseorang khalifah yang baik dan bertanggungjawab.

JADUAL 4 Taburan Responden Peserta terhadap Tema Tambahan Modul Semasa Program

Perkara	Min	Std. Deviation	Skala
Barang Amanah: Telur	3.65	1.27	Sederhana
Lagu Tema: Janji Khalifah	3.49	1.41	Tinggi
<i>Tadabbur:</i> Surah al-Kahfi	4.65	.54	Sangat Tinggi
<i>Tadabbur:</i> Surah al-Rahman	4.62	.55	Sangat Tinggi

Jadual 4 menunjukkan taburan respons peserta terhadap Tema Tambahan Modul Semasa Program. Keputusan tahap pemeringkatan pada tahap sangat tinggi adalah item *Tadabbur* Surah al-Kahfi iaitu, skor min 4.65 dan *Tadabbur* Surah al-Rahman iaitu, skor min 4.62 kerana mereka memberi kerjasama sepenuhnya dalam mengupas dalil-dalil al-Qur'an surah tersebut. Bagi pemeringkatan pada tahap tinggi pula adalah item Lagu Tema: *Janji Khalifah* iaitu, skor min 3.49 dan item bagi Barang Amanah: Telur berada di tahap sederhana iaitu, skor min 3.65 kerana beberapa peserta tidak berjaya memikul tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Secara keseluruhannya, peserta berpuas hati dengan Tema Tambahan Modul Semasa Program yang dijalankan.

JADUAL 5 Taburan Responden Peserta terhadap Aktiviti-aktiviti Semasa Program

Perkara	Min	Std. Deviation	Skala
<i>Ice Breaking: Taaruf</i>	4.14	.98	Tinggi
LDK: <i>Who Am I</i> (Kepimpinan Khalifah)	4.08	.95	Tinggi
Ekplorasi Gua Kambing	4.70	.78	Sangat Tinggi
Ziarah Orang Kampung	4.35	.86	Sangat Tinggi
Ibadah Syumul	4.46	.84	Sangat Tinggi
Sidang Pleno/Resolusi	4.38	1.01	Sangat Tinggi

Jadual 5 menunjukkan taburan respons peserta terhadap aktiviti-aktiviti semasa program. Keputusan tahap pemeringkatan peserta yang paling ramai di tahap sangat tinggi adalah item Ekplorasi Gua Kambing iaitu skor min 4.70, item Ziarah Orang Kampung iaitu, skor min 4.35, item Ibadah Syumul iaitu skor min 4.46 dan item Sidang Pleno/Resolusi iaitu skor min 4.38 kerana peserta dapat mengeratkan hubungan dengan masyarakat dan banyak memperolehi input yang bermanfaat dan berfaedah. Manakala bagi item *Ice Breaking: Taaruf* skor min 4.14 dan item bagi LDK: *Who Am I* (Kepimpinan Khalifah) iaitu, skor min 4.08 berada di tahap pemeringkatan tinggi. Secara keseluruhannya, peserta yang menyatakan sangat tinggi adalah paling banyak.

JADUAL 6 Taburan Responden Peserta terhadap Penilaian Umum Sepanjang Program

Perkara	Min	Std. Deviation	Skala
Konsep/Program/Aktiviti KEKUA	4.46	.90	Sangat Tinggi

Jadual 6 menunjukkan taburan respons peserta terhadap Penilaian Umum Sepanjang Program. Secara keseluruhannya, keputusan semua peserta memperlihatkan bahawa item konsep/program/aktiviti KEKUA berada di tahap pemeringkatan sangat tinggi iaitu, skor min 4.46 kerana semua peserta memperlihatkan sifat positif diterapkan dalam diri mereka seperti bekerjasama, tolong-menolong, bertanggungjawab, berkeyakinan diri dan sebagainya. Secara kesimpulannya, dapatan kajian dalam kajian ini memperlihatkan bahawa modul yang dibina dilaksanakan sepanjang program mendapat impak positif daripada peserta dan modul tersebut digunakan sebagai rujukan dan sebarang kelemahan dapat diperbaiki dari masa ke semasa.

## Cadangan dan Implikasi

Kajian ini mencadangkan beberapa cadangan dan implikasi. Modul yang dilaksanakan dalam program ini dicadangkan untuk dijadikan sebahagian daripada kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah Islam yang perlu dimasukkan dalam kalender tahunan sekolah. Program ini perlu dilaksanakan dalam masa yang sesuai dan bukannya mengambil masa cuti sekolah. Sekiranya program tersebut mengambil masa cuti pelajar, ini akan memberi satu kesan psikologi kepada mereka kerana dalam fikiran mereka cuti adalah waktu mereka berehat dan bercuti bersama ibu bapanya, ahli keluarga atau orang yang tersayang. Hal ini juga akan memberi kesan kepada mereka sepanjang program dan akhirnya akan menjelaskan keberkesanan program tersebut. Melalui pendekatan bersepadu ini, adalah dijangka bahawa

kesan modul program keseluruhan yang direka boleh membawa perubahan dalam tingkah laku pelajar. Ia bertujuan untuk menyediakan golongan muda supaya dapat menghadapi cabaran-cabaran alaf baru. Modul pembangunan mestilah komprehensif dan sistematik bagi memantapkan sahsiah *ulul albab*. Modul ini dibangunkan bagi pelaksanaan program sistematik aktiviti-aktiviti kokurikulum. Dicadangkan agar aktiviti ko-kurikulum dan ko-kurikulum tambahan sebagai kurikulum formal. Program Kem Khalifah *Ulul Albab* adalah sangat sesuai dengan hasrat kerajaan untuk menjana modal insan yang berkualiti dan pendekatan yang holistik untuk memenuhi cabaran-cabaran globalisasi. Ia juga membantu untuk memenuhi matlamat pendidikan Islam dan falsafah pendidikan serta kejayaan dalam Pelan Transformasi Pendidikan 2013-2035. Pendidikan asas adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan pembangunan pelajar fizikal, emosi, rohani dan intelek. Dapatkan kajian adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada penggubal dasar tentang model dan watak yang membina atur cara, supaya mereka boleh meluluskan, menyesuaikan keadaan atau mengubahsuai untuk memenuhi matlamat.

## Penghargaan

Setinggi penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, Universiti Sultan Zainal Abidin serta Kementerian Pelajaran Malaysia yang membiayai Projek Penyelidikan (FRGS/1/2015/SS109/UNISZA/02/1), No. Projek: RR 156.

## Rujukan

- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhami Mohamad, Noremy Md Akhir, Salina Nen. 2012. Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences And Humanities* 7(1): 84-94.
- Hamzah Ya'kub. 1987. *Tingkat Ketenangan & Kebahagiaan Mu'min: Uraian Tasawuf & Taqorub*. Surabaya: Bina Ilmu.
- Hamzah, H. 2001. Penilaian ke atas perlaksanaan penerapan nilai-nilai murni di Politeknik Johor Baru. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Tun Hussain Onn (KUiTTHO).
- Idris Jusoh. 2006. Satu pemikiran praktis dalam merealisasikan konsep *ulul albab*. Seminar *Ulul Albab*. Anjuran Bersama Kerajaan Negeri Terengganu dan Terengganu Development Institute. Kuala Terengganu.
- Idris, J. 2008. Programme Ulul Albab: Ulul Albab - Misi Menjana Kepimpinan Muslim Global. Laman Web Idris bin Jusoh. Diakses 28 Februari 2013. [http://www.silveromedia.com.my/idrisjusoh/?page\\_id=501](http://www.silveromedia.com.my/idrisjusoh/?page_id=501)
- Jabatan Agama Islam Selangor. 2010. Serapan ideologi dan pemikiran asing pengaruh dan kesannya terhadap masyarakat Islam. Laporan dan Kajian R&D.
- al-Marbawi, Mohd Idris Abdul Rauf. 1990. *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. 2010. Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies* 11(1): 117-130.
- Mohd Solleh Ab. Razak. 2011. *Sehingga al-Qur'an Terpahat di Hati*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Muhammad Deraman. 2008. Proses pembentukan modal insan melalui pendidikan bersepadu di Sekolah Menengah Imtiaz Terengganu. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlia Abd. Aziz, T. Subahan M. Meerah, Lilia Halim & Kamisah Osman. 2006. Hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian matematik tambahan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan* 31: 123-141.
- al-Qushayri, al-Naysaburi. 1999. *Risalatul Qusyairiyah*. Terj. Moh. Lukman Hakim. Surabaya: Risalah Gusti.
- Rahimah Embong. 2011. The concept of Islamic integrated curriculum (IIC): Implications for Islamic Schools. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Rajendran, M. & Meng, E.A. 1994. *Pendidikan Moral (Dinamika Guru)*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wan Mariana Wan Mohamad & Mohd Shafiee Hamzah. 2012. Penerapan konsep *ulul albab* dalam pendidikan. Kertas kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG. Port Dickson, 7 Julai.
- Wan Mohd. Zahid Mohd Noordin. 1994. Ke arah pelaksanaan nilai-nilai murni dalam KBSM. Dlm. Abu Bakar Noordin (pnyt.). *Reformasi Pendidikan dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.